

# **PENGLIBATAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DI PUSAT ANAK PERMATA NEGARA**

Fauziah Hanim Jalal, Fairuz 'Ain Harun, Noraini Ismail, Nazariah Abd Samad

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **ABSTRAK**

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak perlu disokong oleh pelbagai pihak khususnya pendidik, ibu bapa dan komuniti. Sokongan ini merupakan satu konsep *complimentary learning* bagi membantu pencapaian segala keperluan dan kejayaan kanak-kanak. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jenis aktiviti yang disertai dan persepsi penglibatan dan halangan dalam penglibatan ibu bapa di Pusat Anak Permata Negara (PAPN). Empat buah pusat (luar bandar=2, pinggir bandar=1, bandar=1) dari dua buah negeri dan seramai 102 ibu bapa (Bapa =22, Ibu =76, Penjaga = 4) telah dipilih menggunakan persampelan berstrata. Kaedah kajian adalah berbentuk tinjauan. Data di analisis menggunakan kaedah deskriptif bagi mendapatkan min, kekerapan, dan peratusan. Kajian mendapati pusat telah mengadakan banyak aktiviti yang sesuai mengikut keperluan ibu bapa. Namun majoriti ibu bapa terlibat dalam dua aktiviti di pusat iaitu hadir dalam mesyuarat bulanan dan aktiviti dua jam setiap minggu. Persepsi ibu bapa terhadap penglibatan di pusat adalah positif dalam kesemua empat aspek penglibatan iaitu komunikasi (min=4.43), penerimaan (min=4.38), *empowerment* (min=4.27) dan persekitaran (min=4.13). Penglibatan ibu bapa masih di tahap sederhana kerana halangan besar mereka ialah kesuntukan masa kerana bekerja. Keputusan mengenai penglibatan ibu bapa memberi implikasi kepada pihak pusat untuk meningkatkan lagi kerjasama dengan pihak ibu bapa agar keperluan mereka difahami.

## **Kata Kunci:**

penglibatan ibu bapa, pendidikan awal kanak-kanak, Pusat Anak Permata Negara.

## ***PARENTAL INVOLVEMENT IN EARLY CHILDHOOD EDUCATION IN PUSAT ANAK PERMATA NEGARA***

### ***ABSTRACT***

*Parental involvement in early childhood education should be supported by various parties, especially educators, parents and community. This support is a complimentary basis to assist the achievement of all learning needs and success of children. This study aims to identify the types of activities participated and the perceptions as barriers in parental involvement in Pusat Anak Permata Negara (PAPN). Four centers (rural = 2, suburbs = 1, urban = 1) from the two states and a total of 102 parents (father = 22 = 76 Mother, Guardian = 4) were selected using stratified sampling. The research was a survey. Data were analyzed using descriptive methods to get min, frequency, and percentage. The study found that the center had organized many activities that suited the needs of the parents. However, the majority of parents were involved in two activities in the center which were the monthly meetings and two hours per week activities. Parent's perception of involvement in the center is positive in all four aspects; communication (mean = 4.43), reception (mean = 4.38), empowerment (mean = 4.27) and environment (mean = 4.13). Parental involvement is still at a moderate level because of their commitment to the working hours. The finding on parental involvement indicates that the centers need to understand the parent's needs and improve cooperation with the parents.*

### ***Keywords:***

*parental involvement, early childhood education, Pusat Anak PERMATA Negara.*

### **PENGENALAN**

Pendidikan awal kanak-kanak bermula daripada saat kelahirannya hingga kepada umur kanak-kanak lapan tahun. Pendidikan ini meliputi program-program untuk bayi (infants), kanak-kanak yang baru bertatih (toddlers), sekolah asuhan kanak-kanak (nursery schools), untuk asuhan kanak-kanak (child care), dan program-program prasekolah yang termasuk *kindergarden* dan peringkat sekolah rendah (Azizah, 2002.).

Mengikuti Donna Couchenour & Kent Chrisman (2011) apabila masyarakat berubah, maka fungsi keluarga dijangka turut berubah. Kini ramai ibu bapa berpandangan bahawa perancangan pendidikan awal kanak-kanak sangat penting bagi mereka. Penglibatan ibu bapa telah banyak berubah dari zaman pra merdeka sehingga ke hari ini. Keperluan kepada pendidikan awal kanak-kanak bertambah dengan banyak berbanding tiga abad yang lalu. Kajian terkini mengenai perkembangan otak kanak-kanak mendapati kepentingan usahasama guru dan ibu bapa sebagai satu keperluan dalam pencapaian kanak-kanak. Justeru, ibu bapa dan guru adalah individu penting kepada perkembangan kanak-kanak.

Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak merupakan satu konsep *complimentary learning* bagi membantu pencapaian segala keperluan dan kejayaan kanak-kanak. Ia adalah satu pendekatan sistemik yang mengintegrasikan sekolah dan sokongan bukan sekolah dalam memastikan semua kanak-kanak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk berjaya. Para pendidik, ahli akademik, pembuat dasar dan keluarga semakin bersetuju bahawa sekolah tidak boleh bersendirian dalam melaksanakan pendidikan awal kanak-kanak. Kanak-kanak memerlukan pelbagai peluang untuk belajar dan berkembang di rumah, di sekolah dan dalam komuniti. Konsep ini menekankan perkaitan di antara rumah dan sekolah yang boleh menyediakan persekitaran awal kanak-kanak mempelajari sesuatu dan menghasilkan pembelajaran dan perkembangan yang konsisten (Harvard Family Research Project, 2006).

Malah Islam sangat menitik beratkan pendidikan kanak-kanak bermula dari dalam kandungan ibu lagi dan setelah dilahirkan sehingga ia matang. Islam telah mengajar penganutnya agar mengikut sunnah ini melalui amalan keibubapaan. Kajian Fauziah, Zanariah dan Wahibah (2011) mendapati 371 ibu bapa di Perak mempunyai skor min amalan awal keibubapaan yang agak tinggi. Ini bermakna ibu bapa telah cuba mendidik anak-anak dengan ajaran agama. Di antara yang dituntut lakukan ialah membaca ayat suci al-Quran dan berdoa semasa bayi dalam kandungan. Setelah bayi dilahirkan diperdengarkan dengan kalimah azan di telinga kanan dan iqamat di telinga kiri, menggosok manisan ke dalam mulut setiap anak (tahnik), pemilihan nama yang baik, mencukur rambut, penyusuan ibu, mengadakan kenduri aqiqah tanda kesyukuran, mengeluarkan zakat fitrah dan bersunat. Kesemua skor min bagi item di atas adalah tinggi kecuali tahnik. Ini menunjukkan ibu bapa melaksanakan tanggungjawab mereka seperti yang dituntut oleh syariat.

Apabila kanak-kanak telah membesar dan mumayyiz kanak-kanak boleh diajar pula untuk mengenal dan mensyukuri Allah penciptaNya, mempercayai hari pembalasan, bersolat, berakhlak mulia kepada ibu bapa dan orang lain. Di antara akhlak yang ditekankan oleh Luqman al Hakim (dalam surah Luqman 12-19) ialah taat kepada ibu bapa, tidak sombong, bersederhana dan berkomunikasi baik serta mengajak orang lain ke arah kebaikan dan mencegah kejahatan. Kajian Fauziah, Nazariah, Ibrahim dan Melati (2012) telah mendapati terdapat empat dimensi (aqidah, ibadah, akhlak dan dakwah) dan 13 indikator pendidikan yang boleh diajar kepada kanak-kanak mengikut peringkat umur mereka.

Menurut Rohaty Mohd Majzub (2003), peranan ibu bapa, keluarga dan komuniti sebagai rakan kongsi aktif dalam proses pembelajaran kanak-kanak selalunya memberi kesan pada kualiti dalam pendidikan awal kanak-kanak. Ibu bapa adalah pendidik yang pertama dan utama anak-anak sebelum mereka berhadapan dengan guru-guru dan pembimbing taska. Ibu bapa juga mampu meningkatkan kualiti sesebuah program pendidikan awal kanak-kanak kerana ibu bapa adalah orang yang menyediakan keperluan asas, penjagaan dan kasih sayang, memberi sokongan, panduan, tunjuk ajar, bimbingan dan perlindungan kepada kanak-kanak

Selain daripada itu, terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa ada kaitan antara penglibatan ibu bapa dengan pencapaian kanak-kanak. Ibu bapa yang menginginkan kejayaan anak-anak mereka dalam bidang pendidikan perlu terlibat dalam pembelajaran anak-anak mereka secara langsung. Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak secara tidak langsung memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan anak-anak antaranya sikap bersungguh-sungguh dalam aktiviti pembelajaran di samping menunjukkan tingkah laku yang lebih baik dan seimbang.

Melibatkan ibu bapa sebagai rakan kongsi dalam perkembangan kanak-kanak adalah matlamat utama dalam pendidikan awal kanak-kanak (Meidel & Reynolds, 1999). Banyak kajian mencadangkan sumbangan penglibatan ibu bapa dalam literasi dan kejayaan akademik (dan lain-lain). Setengah kajian mencadangkan sokongan langsung ibu bapa dalam pengalaman pembelajaran di luar bilik darjah adalah penting (Fantuzzo, McWayne, Perry & Childs, 2000).

Swap (1993) menekankan usahasama yang didefinisikan sebagai *alliances* di antara ibu bapa dan pendidik untuk membantu kejayaan semua pelajar. Kajian menyokong apabila sekolah dan ibu bapa berkolaborasi,

peranan di antara dua pihak tidak di ketepikan tetapi dapat mewujudkan keharmonian.

Ibu bapa adalah pelanggan, rakan kongsi dan warganegara (Vincent, 2000). Sebagai pelanggan, mereka ada pemegang taruh. Ini kerana mereka mendapat manfaat dari perkhidmatan dari pusat perkembangan kanak-kanak dan keputusannya adalah dikaitkan dengan pelaburan mereka. Kedua, ibu bapa membantu mencapai matlamat untuk menaikkan pencapaian pelajar dengan memberi sokongan apa pun bentuk program. Akhirnya, ibu bapa adalah sebahagian daripada komuniti dan komuniti mempunyai taruh di pusat perkembangan kanak-kanak. Maka kajian mengenai sejauh mana penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak perlu dibuat bagi memastikan ibu bapa terlibat dalam pendidikan dan perkembangan kanak-kanak sejak awal lagi.

## **PENYATAAN MASALAH**

Program pendidikan awal kanak-kanak kini telah melalui perkembangan yang positif. Bermula pada tahun 1950an dengan pendidikan pra sekolah dalam bentuk tadika yang hanya disediakan kepada golongan pertengahan dan atasan kini program ini telah memasuki kawasan luar bandar. Pelbagai pusat asuhan ditubuhkan oleh pihak kerajaan, organisasi dan persendirian (Asiah, 2001). Pada tahun 1960, beberapa agensi kerajaan seperti FELDA dan KEMAS menubuhkan pusat-pusat tadika yang kebanyakannya di luar bandar (Sulaiman et. Al, 1990). Pada tahun 2007, PERMATA Negara telah memperkenalkan program asuhan dan didikan awal kanak-kanak daripada peringkat bayi sehingga kanak-kanak berumur 4 tahun dengan memfokus kepada perkembangan holistik dan intervensi awal kanak-kanak.

Penubuhan PERMATA Negara selaras dengan hasrat negara bagi mengurangkan kadar jenayah dan masalah sosial pada masa akan datang yang seringkali dikaitkan dengan cara seseorang individu dibesarkan. Justeru, program PERMATA Negara diwujudkan bagi membantu menyediakan pengasuhan dan pendidikan kanak-kanak bagi golongan berpendapatan rendah. Pendidikan awal kanak-kanak merupakan peringkat yang sangat penting bagi negara dalam melahirkan pemimpin yang berdedikasi dan berkarisma (PERMATA Negara's Mission to Produce Malaysia 'Germs', 2009).

Kurikulum program pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak PERMATA Negara di Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) sangat berbeza jika dibandingkan dengan taska-taska lain di negara kita di mana

aspek penglibatan ibu bapa dimasukkan dalam kurikulum program pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Di Pusat Anak PERMATA Negara, ibu bapa perlu melibatkan diri bersama anak mereka sekurang-kurangnya satu jam setiap minggu bagi meningkatkan hubungan antara kanak-kanak dan ibu bapa (PERMATA Negara's Mission 'Germs' 2009). Selain itu, falsafah PERMATA Negara juga menitikberatkan penglibatan ibu bapa dan komuniti dalam pembelajaran anak-anak di peringkat awal kanak-kanak. Matlamat Program PERMATA adalah untuk meningkatkan kesediaan kanak-kanak memasuki alam pra dan sekolah rendah dengan pelbagai aspek perkembangan (Bahagian PERMATA, 2010).

Pemerhatian terhadap tadika mendapati bahawa ibu bapa kerap terlibat dengan aktiviti di luar tadika seperti menemani anak mereka dalam lawatan ke muzium dan taman hiburan. Ini merupakan satu pendekatan penglibatan ibu bapa satu arah, iaitu daripada atas ke bawah. Kesyukuran penglibatan ibu bapa lebih bersifat inisiatif guru daripada inisiatif ibu bapa pada andaian tadika pula ibu bapa perlu diberitahu mengenai apa yang harus dilakukan. Penglibatan ibu bapa boleh meningkatkan kualiti tadika. Ibu bapa perlu dididik mengenai peranan dan tanggungjawab mereka supaya matlamat pendidikan tadika berkenaan dapat dicapai dan peranan mereka sebagai pendidik di rumah dilatih (Rohaty, 2003). Poston, Stone & Muther (1992) menyatakan bahawa sesebuah sekolah yang hebat memerlukan sokongan komuniti iaitu penglibatan ibu bapa dan komuniti yang akan menyumbang kepada keteguhan sesebuah organisasi pendidikan. Penglibatan ibu bapa yang aktif di sekolah boleh kebiasaannya dilakukan secara individu atau secara berkumpulan iaitu bersama dengan ibu bapa lain.

Perubahan dalam struktur keluarga yang banyak berubah dari dahulu di mana terdapat ramai keluarga nukleas dan bekerja. Mengkaji penglibatan ibu bapa dalam tahap ini adalah sangat menarik kerana dalam kesibukan masa, bagaimanakah persepsi ibu bapa muda ini khususnya terhadap pendidikan awal kanak-kanak mereka. Ibu bapa dan pendidik saling membantu dalam pendidikan. Mengenali keluarga akan menyediakan pendidik dengan banyak maklumat yang melengkapinya tanggungjawab dan mengembirakan dalam menjalankan tanggungjawab mendidikan dan mengasuh kanak-kanak. Maka kajian mengenai penglibatan ibu bapa di pusat perlu dikaji.

## **OBJEKTIF**

Objektif kajian ini adalah untuk mencapai perkara berikut:

1. Mengetahui penglibatan ibu bapa dalam pelbagai jenis aktiviti di pusat.
2. Mengetahui penglibatan ibu bapa di pusat dalam aspek komunikasi, penerimaan, *empowerment*, dan persekitaran pusat.
3. Mengetahui halangan ibu bapa dalam penglibatan ibu bapa di pusat kanak-kanak (PAPN).

## **METODOLOGI**

Rekabentuk kajian menggunakan kaedah tinjauan. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai iaitu ratusan ataupun ribuan responden (Sabitha, 2006) bagi memberi kenyataan dan gambaran umum tentang keseluruhan populasi yang dikaji.

*Sampel* - Pemilihan sampel untuk kajian ini adalah berdasarkan persampelan berstrata lokasi yang terdiri daripada bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Sampel diambil daripada strata lokasi secara rawak. Hasilnya, empat buah PAPN di Selangor dan Perak terpilih sebagai sasaran kajian. Pemilihan PAPN ini wajar berasaskan kepada faktor lokasi bandar, pinggir bandar, dan luar bandar yang akan menggambarkan perbezaan ciri-ciri ibu bapa yang dikaji. PAPN yang terpilih ialah di Perak iaitu PAPN A (Luar Bandar), PAPN B (Pinggir Bandar). Di Selangor ialah PAPN C (Bandar) dan PAPN D (Luar Bandar).

*Alat kajian* - Satu set soal selidik digunakan bagi mengumpul data dalam kajian ini yang terdiri daripada lima bahagian iaitu Bahagian A berkaitan dengan maklumat demografi responden, Bahagian B penglibatan di PAPN, Bahagian C halangan penglibatan, Bahagian D penglibatan di rumah-literasi, dan Bahagian E penglibatan di dalam komuniti. Perbincangan bersama pihak PAPN telah diadakan bagi menghasilkan soalselidik yang sesuai dan kajian rintis juga telah dijalankan.

*Analisis data* – Pemprosesan data dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang berguna daripada data yang diperolehi. Setelah soal selidik dikutip, analisis data menggunakan perisian *Statistical Package Social Science (SPSS)* versi 17.0 dengan kaedah statistik deskriptif bagi mendapatkan min, peratus, kekerapan dan sisihan piawai.

## **DAPATAN**

Sampel yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 102 orang ibu bapa kepada anak-anak PERMATA di empat buah pusat. Berikut adalah jadual

yang menunjukkan taburan dan peratusan demografi responden. Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri demografi responden mengikut status, bangsa dan umur responden. Majoriti responden terdiri daripada ibu dan berbangsa Melayu. Kebanyakan umur ibu bapa adalah dalam lingkungan umur 30-39. Majoriti ibu bapa adalah golongan yang mempunyai pekerjaan di luar rumah.


Jadual 1:  
Ciri-ciri Demografi Responden

Pembolehubah	Kekerapan	Peratus
<i>Status</i>		
Ibu	76	74.5
Bapa	22	21.6
Penjaga	4	3.9
<i>Bangsa</i>		
Melayu	80	78.4
India	9	8.8
Cina	10	9.8
Lain-lain	3	2.9
<i>Umur</i>		
21 – 29 thn	19	18.8
30 – 39 thn	51	50.5
40 tahun – 49 tahun	10	9.9
50 tahun – 59 tahun	2	2.0
60 tahun dan ke atas	1	1.0
<i>Pekerjaan</i>		
Surirumah	68	52.95
Bekerja	32	47.05




## Penglibatan Ibu Bapa di PAPN

Jadual 2:  
Taburan Responden Mengikut Kekerapan dan Peratus Bagi Taburan  
Penglibatan Aktiviti Ibu Bapa Bagi Tahun Pertama Anak Berada Di PAPN




Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan dan peratus bagi taburan penglibatan aktiviti ibu bapa bagi tempoh anak bagi tahun pertama di PAPN. Aktiviti yang kebanyakan ibu bapa terlibat adalah mesyuarat bulanan iaitu seramai 32 orang (31.4 peratus). Diikuti dengan *family day*/sukaneka seramai 28 orang (27.5 peratus), aktiviti 2 jam dan hari terbuka seramai 27 orang (26.5 peratus) serta gotong-royong dan hari Graduasi anak seramai 22 orang (21.6 peratus). Rata-rata aktiviti yang dijalankan oleh PAPN membabitkan penglibatan yang rendah oleh ibu bapa.

Jadual 3:  
 Taburan Responden Mengikut Kekerapan dan Peratus Bagi Taburan  
 Penglibatan Aktiviti Ibu Bapa bagi Tahun Kedua Anak Berada di PAPN




Jadual 3 menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan dan peratus bagi taburan penglibatan aktiviti ibu bapa bagi tempoh anak selama 2 tahun di PAPN. Aktiviti yang kebanyakan ibu bapa terlibat ialah mesyuarat bulanan iaitu seramai 23 orang (22.5 peratus). Diikuti dengan aktiviti 2 jam seramai 22 orang (21.6 peratus), gotong royong seramai 18 orang (17.6 peratus), *family day*/sukaneka seramai 15 orang (14.7 peratus) dan *home visit* 14 orang (13.7 peratus). Rata-rata aktiviti yang dijalankan oleh PAPN membabitkan penglibatan yang rendah oleh ibu bapa.

Jadual 4:  
 Taburan Responden Mengikut Kekekapan dan Peratus Bagi Taburan  
 Penglibatan Aktiviti Ibu Bapa bagi Tahun Ketiga Anak Berada di PAPN



Jadual 4 menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan dan peratus bagi taburan penglibatan aktiviti ibu bapa bagi tempoh anak selama 3 tahun di PAPN. Hasil dapatan menunjukkan bilangan ibu bapa yang terlibat dengan kesemua aktiviti PAPN agak tinggi berbanding ibu bapa yang mempunyai anak di PAPN bagi tempoh anak berada di PAPN 1 tahun dan 2 tahun. Aktiviti mesyuarat bulanan masih menunjukkan bilangan yang paling tinggi penglibatannya oleh ibu bapa iaitu seramai 33 orang (32.4 peratus). Diikuti dengan gotong-royong 30 orang (29.4 peratus) dan bagi aktiviti graduasi anak dan family day/sukaneka berkongsi bilangan seramai 27 orang (26.5 peratus). Namun aktiviti yang paling sedikit diikuti ialah bengkel keibubapaan iaitu seramai 12 orang (11.8 peratus) sahaja.

Jadual 5:  
 Taburan Responden Mengikut Kekekapan dan Peratus Bagi Taburan  
 Penglibatan Aktiviti Ibu Bapa bagi Tahun Keempat Anak Berada di PAPN



Jadual 5 menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan dan peratus bagi taburan penglibatan aktiviti ibu bapa bagi tempoh anak selama 4 tahun di PAPN. Jika dilihat secara keseluruhan jadual ini, kebanyakan ibu bapa terlibat aktif dengan aktiviti di PAPN dimana penglibatan paling tinggi adalah mesyuarat bulanan seramai 32 orang (31.4 peratus) dan diikuti dengan aktiviti 2 jam serta hari terbuka berkongsi bilangan penglibatan iaitu seramai 31 orang (30.4 peratus). Bagi penglibatan yang paling rendah adalah bagi lain-lain aktiviti 12 orang (11.8 peratus) dan ceramah kewangan 19 orang (18.6 peratus).

Terdapat empat aspek pandangan ibu bapa yang dikaji iaitu dari segi penerimaan pendidik, *empowerment* pendidik, komunikasi pendidik dan persekitaran di pusat kanak-kanak (PAPN) itu sendiri PAPN.

**Jadual 6:**  
**Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai**  
**Bagi Penglibatan Ibu Bapa dari Faktor Penerimaan di Pusat Kanak-kanak**  
**(PAPN)**

Item	Penyataan	Min	SP
1	Kehadiran saya ke PAPN dihargai oleh pendidik.	4.34	.59
2	Pendidik memberi kerjasama apabila berbincang mengenai anak saya.	4.42	.54
3	Saya selesa bercakap dengan pendidik anak saya.	4.38	.58
4	Saya merasa bangga dapat menyumbang kepada PAPN.	4.34	.61
Min Skor Keseluruhan = 4.38		Sisihan Piawai = 0.50	n = 102

Jadual 6 menunjukkan taburan responden mengikut Kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi taburan penglibatan aktiviti ibu bapa di PAPN bagi faktor suasana di PAPN. Hasil dapatan menunjukkan ibu bapa cenderung terlibat dengan aktiviti di PAPN apabila pendidik memberi kerjasama ketika berbincang mengenai anak mereka. Ibu bapa merasakan kehadiran mereka dihargai dan merasa bangga apabila dapat menyumbangkan sesuatu kepada PAPN merupakan domain bagi faktor suasana di PAPN yang paling rendah.

**Jadual 7:**  
**Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai**  
**Bagi Penglibatan Ibu Bapa dari Aspek Faktor *Empowerment* di PAPN**

Item	Penyataan	Min	SP
1	Saya telah dimaklumkan oleh pendidik tentang aktiviti yang perlu saya hadiri.	4.38	.61
2	Saya dapat maklumat mengenai bagaimana saya boleh membantu pihak PAPN.	4.16	.65

Min Skor Keseluruhan = 4.27

Sisihan Piawai = .55 n = 102

Jadual 7 menunjukkan taburan responden mengikut Kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi taburan penglibatan aktiviti ibu bapa di PAPN bagi faktor *empowerment* di PAPN. Jadual menunjukkan kebanyak ibu bapa bersetuju bahawa mereka telah diberitahu oleh pihak PAPN tentang aktiviti yang perlu mereka hadiri berbanding mendapat maklumat bagaimana mereka boleh membantu pihak PAPN.

Jadual 8:

Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai bagi Penglibatan Ibu Bapa dari Aspek Faktor Persekitaran di PAPN

Item	Penyataan	Min	SP
1	Saya suka terlibat dalam aktiviti PAPN kerana PAPN mempunyai kawasan yang luas.	3.95	.87
2	Lokasi PAPN menarik, bersih dan cantik.	4.14	.77
3	Saya mudah untuk hadir kerana lokasi PAPN berdekatan dengan rumah	4.19	.77
4	Saya rasa selamat apabila melakukan aktiviti di kawasan PAPN	4.24	.71

Min Skor Keseluruhan = 4.13

Sisihan Piawai = .65 n = 102

Jadual 8 menunjukkan taburan responden mengikut Kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi taburan penglibatan aktiviti ibu bapa di PAPN bagi faktor persekitaran di PAPN. Domain yang paling tinggi adalah berkenaan dengan keselamatan ketika melakukan aktiviti di PAPN. Ia turut disokong dengan lokasi PAPN yang dekat dengan rumah dan persekitaran PAPN yang bersih dan menarik. Domain yang kurang menyokong adalah kawasan PAPN yang luas.

Jadual 9:  
 Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai  
 bagi Penglibatan Ibu Bapa dari Aspek Komunikasi di PAPN

Item	Penyataan	Min	SP
1	Pihak PAPN menghubungi saya dengan segera jika ada sebarang masalah yang melibatkan anak saya.	4.52	.59
2	Saya dimaklumkan tentang peraturan dan dasar PAPN dengan jelas oleh pendidik	4.42	.58
3	Saya dimaklumkan oleh pendidik tentang aktiviti yang telah dijalankan untuk anak saya. (log harian)	4.36	.77
Min Skor Keseluruhan = 4.43		Sisihan Piawai = .57 n = 102	

Jadual 9 menunjukkan taburan responden mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai bagi taburan penglibatan aktiviti ibu bapa di PAPN bagi faktor komunikasi di PAPN. Berdasarkan jadual di atas, ibu bapa lebih bersetuju bahawa pihak PAPN akan menghubungi mereka dengan segera jika ada masalah yang melibatkan anak mereka. Ini dibantu dengan domain ibu bapa dimaklumkan dengan jelas tentang dasar dan peraturan PAPN serta mereka dimaklumkan tentang aktiviti yang anak-anak mereka jalankan.

Jadual 10:  
Min dan Sisihan Piawai bagi Penglibatan Ibu bapa di PAPN

Faktor	Min	S.Piawai	Tahap
Komunikasi	4.43	.57	Tinggi
Penerimaan	4.38	.50	Tinggi
<i>Empowerment</i>	4.28	.55	Tinggi
Persekitaran	4.13	.65	Tinggi

Min keseluruhan = 4.30    Sisihan piawai = .48    Tahap = Tinggi n = 102

Jadual 10 menunjukkan tahap sumbangan mengikut min dan sisihan piawai bagi setiap aspek penglibatan ibu bapa di PAPN. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesemua aspek komunikasi, penerimaan, *empowerment*, dan persekitaran memberi sumbangan atau kesan yang tinggi dalam mempengaruhi ibu bapa terlibat dalam aktiviti PAPN. Bagi aspek komunikasi, ibu bapa mendapati pihak PAPN menghubungi mereka dengan segera jika ada masalah yang melibatkan anak mereka. Ibu bapa juga dimaklumkan dengan jelas tentang dasar dan peraturan PAPN serta mereka dimaklumkan tentang aktiviti yang anak-anak mereka jalankan. Bagi aspek penerimaan pula, dapatan menunjukkan ibu bapa cenderung terlibat dengan aktiviti di PAPN apabila pendidik memberi kerjasama ketika berbincang mengenai anak mereka. Ibu bapa merasakan kehadiran mereka dihargai dan merasa bangga apabila dapat menyumbangkan sesuatu kepada PAPN. Ibu bapa juga merasa selesa apabila bercakap dengan pendidik. Bagi aspek *empowerment* kebanyakan ibu bapa diberitahu oleh pihak PAPN tentang aktiviti namun ibu bapa agak kurang mendapat maklumat bagaimana mereka boleh membantu pihak PAPN. Bagi aspek persekitaran, ibu bapa merasa yakin untuk terlibat kerana aspek keselamatan pusat dan mempunyai kawasan yang menarik, bersih dan cantik. Ibu bapa merasakan kawasan PAPN tidaklah begitu luas untuk mengadakan aktiviti. Pada keseluruhan keempat aspek ini terutama komunikasi dan penerimaan pendidik PAPN membantu penglibatan ibu bapa dalam aktiviti.



## Halangan kepada Penglibatan

Jadual 11 menunjukkan beberapa halangan yang dialami oleh ibu bapa untuk aktif dalam aktiviti di PAPN. Halangan utama ialah ibu bapa kesuntukan masa kerana tuntutan kerja. Selain itu, menjaga anak kecil dan sebab-sebab lain. Walaubagaimana pun, ibu bapa tidak merasai masalah bahasa ataupun budaya sebagai halangan.

Jadual 11:  
Min dan Sisihan Piawai bagi Halangan dalam Penglibatan Ibu Bapa di PAPN

Item	Penyataan	Min	SP
1	Kesuntukan masa disebabkan kerja dan lain-lain tanggungjawab	3.70	1.00
2	Kesukaran untuk terlibat dalam aktiviti PAPN kerana menjaga anak-anak kecil.	2.59	1.21
3	Mempunyai masalah bahasa/budaya untuk terus terlibat dalam aktiviti PAPN	1.92	.89
4	Mempunyai kesukaran untuk terlibat dalam aktiviti PAPN kerana sebab-sebab lain.	2.85	1.16
Min Skor Keseluruhan = 2.77		Sisihan Piawai = 0.70	n = 102

## **PERBINCANGAN**

### **Penglibatan Ibu Bapa dalam Aktiviti-aktiviti di PAPN Mengikut Tempoh Anak Berada di PAPN**

Dapatan kajian mengenai penglibatan ibu bapa dalam aktiviti –aktiviti di PAPN menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa masih di tahap yang rendah. Aktiviti di PAPN di bahagi kepada dua iaitu aktiviti 2 jam dan aktiviti sokongan seperti mesyuarat bulanan, hari terbuka, hari graduasi, sambutan Maulidul Rasul, lawatan ke agensi, bengkel keibubapaan, *home visit*, gotong royong. Aktiviti 2 jam berada di tempat kedua paling aktif selepas mesyuarat bulanan iaitu salah satu aktiviti sokongan. Walau pun ramai yang tidak terlibat secara aktif masih ada beberapa ibu bapa yang turut serta dalam semua aktiviti yang dianjurkan oleh PAPN. Usaha pendidik di PAPN menganjurkan banyak aktiviti patut diberi pujian kerana konsisten mengadakan pelbagai aktiviti untuk menarik ibu bapa lebih dekat dengan PAPN.

Terdapat satu corak penglibatan ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti di PAPN iaitu di mana permulaan kemasukan anak di PAPN untuk tiga tahun yang awal ibu bapa kurang terlibat dalam semua aktiviti (tahun 1 =20%, tahun 2 = 12.66%, tahun 3 = 22%). Pada tahun keempat peratus keseluruhan telah meningkat iaitu 25.66%, ini bermakna ibu bapa telah mula terlibat secara aktif dengan aktiviti di PAPN. Perbagai aktiviti di PAPN telah berjaya menarik ibu bapa. Kemungkinan juga ibu bapa mahu melihat pencapaian anak-anak mereka yang telah mula besar dan aktif. Ini juga menunjukkan bahawa telah berlaku kerjasama di antara ibu bapa bersama pendidik, ibu bapa bersama murid sebagaimana yang diutarakan oleh Epstein (2001) bahawa penglibatan dalam membuat sesuatu keputusan bersama pihak sekolah dan ibu bapa akan membantu meningkatkan penglibatan ibu bapa. Ini dibuktikan dengan penglibatan dalam mesyuarat bulanan yang sering di hadiri oleh ibu bapa. Mesyuarat bulanan adalah meja perbincangan dan membuat keputusan bagi aktiviti-aktiviti yang hendak dianjurkan di PAPN. Kajian ini menunjukkan bahawa suatu pencapaian yang positif dalam penglibatan ibu bapa walaupun agak perlahan. Kerjasama perlu ditingkatkan di antara kedua-belah pihak.

## **Penglibatan Ibu Bapa di Pusat Kanak-kanak (PAPN)**

Penglibatan ibu bapa di pusat kanak-kanak (PAPN) meliputi empat aspek iaitu penerimaan, *empowerment*, persekitaran dan komunikasi di pusat kanak-kanak (PAPN). Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa berpandangan positif terhadap keempat aspek tersebut. Skor menunjukkan komunikasi pendidik yang baik sangat disenangi oleh pihak ibu bapa yang terlibat dalam aktiviti di pusat kanak-kanak tersebut. Kedua ialah ibu bapa sangat berpuas hati dengan penerimaan pendidik di PAPN yang mana mereka merasa di hargai oleh pendidik. Ini merupakan satu pentanda yang baik bahawa pendidik mempunyai ciri-ciri profesionalisma sebagai pendidik kanak-kanak dan berupaya berhubung dengan baik dengan ibu bapa. Walaubagaimanapun ibu bapa masih belum cukup merasa bangga dengan sumbangan mereka kepada PAPN.

Perkara ini perlu dihalusi lagi oleh pihak PAPN. Kemungkinan ibu bapa mahu terlibat tetapi kekangan atau halangan menyebabkan mereka tidak dapat menyumbang tenaga secukupnya. Ini sejajar sebagai mana Poston et al (1992) mengatakan bahawa untuk mempunyai organisasi yang baik dan hebat penglibatan ibu bapa dan komuniti perlu baik. Gallegher, Bagin dan Moore (2005) menyatakan bahawa permulaan penting bagi sekolah ialah mementingkan penglibatan ibu bapa. Mendengar pendapat mereka bagaimana ibu bapa boleh menyumbang dalam pelbagai bentuk yang mampu diberikan oleh ibu bapa mungkin boleh membanggakan ibu bapa ini.

Ini diikuti pula dengan *empowerment* dan persekitaran. Dalam aspek *empowerment* ibu bapa setuju bahawa mereka di beri tanggungjawab untuk terlibat bersama dalam aktiviti –aktiviti di PAPN. Bagi aspek persekitaran pula, satu yang agak menarik ialah ibu bapa merasakan mereka selamat untuk terlibat dalam aktiviti PAPN. Kesemua aspek ini dipersetujui oleh ibu bapa sebagai dapat membantu penglibatan mereka di PAPN.

## **Halangan yang Dihadapi dalam Penglibatan Ibu Bapa di PAPN**

Penglibatan ibu bapa di PAPN menghadapi halangan dari pelbagai aspek. Kajian ini mendapati bahawa faktor kesuntukan masa di sebabkan kerja dan lain-lain tanggungjawab merupakan halangan terbesar kepada ibu bapa untuk terlibat secara aktif. Kebanyakan ibu bapa terdiri dari kumpulan yang bekerja ( 68%) dan hanya 32% sahaja yang surirumah. Ini di buktikan lagi di mana

keseluruhan penglibatan ibu bapa mengikut tempoh anak berada di PAPN adalah dalam lingkungan 16-25% sahaja. Pihak PAPN perlu memikirkan bersama-sama dengan ibu bapa bagaimana kumpulan bekerja ini dapat bersama-sama terlibat di PAPN. Kemungkinan corak penglibatan ditentukan oleh penganjur oleh pendidik maka kecenderungan bagi ibu bapa untuk terlibat kurang. Juga perancangan mengenai aktiviti-aktiviti di PAPN telah dibuat awal agar ibu bapa yang bekerja dapat menyusun perancangan di pejabat dan cuti bersesuaian dengan aktiviti untuk ibu bapa.

Penglibatan ibu bapa di pusat kanak-kanak (PAPN) meliputi empat aspek iaitu komunikasi, penerimaan, *empowerment*, dan persekitaran di pusat kanak-kanak (PAPN). Dapatan kajian menunjukkan bahawa ibu bapa berpandangan positif terhadap keempat aspek tersebut. Skor menunjukkan komunikasi pendidik (min=4.43) yang baik sangat disenangi oleh pihak ibu bapa yang terlibat dalam aktiviti di pusat kanak-kanak tersebut. Kedua ialah ibu bapa sangat berpuas hati dengan penerimaan pendidik di PAPN (min=4.38) yang mana mereka merasa di hargai oleh pendidik. Ini merupakan satu pentanda yang baik bahawa pendidik mempunyai ciri-ciri profesionalisma sebagai pendidik kanak-kanak dan berupaya berhubung dengan baik. Walaubagaimana pun ibu bapa masih belum cukup merasa bangga dengan sumbangan mereka kepada PAPN.

Perkara ini perlu dihalusi lagi oleh pihak PAPN. Kemungkinan ibu bapa mahu terlibat tetapi kekangan atau halangan menyebabkan mereka tidak dapat menyumbang tenaga secukupnya. Ini sejajar sebagai mana Poston et al (1992) mengatakan bahawa untuk mempunyai organisasi yang baik dan hebat penglibatan ibu bapa dan komuniti perlu baik. Permulaan penting bagi sekolah ialah mementingkan penglibatan ibu bapa. Mendengar pendapat mereka bagaimana ibu bapa boleh menyumbang dalam pelbagai bentuk yang mampu diberikan oleh ibu bapa mungkin boleh membanggakan ibu bapa ini.

Ini diikuti pula dengan *empowerment* dan persekitaran di PAPN. Dalam aspek *empowerment* (min=4.27) ibu bapa bersetuju bahawa mereka diberi tanggungjawab untuk terlibat bersama dalam aktiviti-aktiviti di PAPN. *Empowerment* adalah memberi tanggungjawab kepada ibu bapa untuk terus terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka. Bagi aspek persekitaran di PAPN (min=4.13), satu yang agak menarik ialah ibu bapa merasakan mereka selamat untuk terlibat dalam aktiviti PAPN. Ciri-ciri keselamatan ialah Perkara yang paling tinggi adalah berkenaan dengan keselamatan ketika melakukan aktiviti di PAPN. Ia turut disokong dengan lokasi PAPN yang dekat dengan rumah dan persekitaran PAPN yang bersih

dan menarik. Perkara yang kurang menyokong adalah kawasan PAPN yang luas. Kesemua aspek ini dipersetujui oleh ibu bapa sebagai dapat membantu penglibatan mereka di PAPN.

Penglibatan ibu bapa di PAPN menghadapi halangan dari pelbagai aspek. Kajian ini mendapati bahawa faktor kesuntukan masa di sebabkan kerja dan lain-lain tanggungjawab merupakan halangan terbesar kepada ibu bapa untuk terlibat secara aktif. Kebanyakan ibu bapa terdiri dari kumpulan yang bekerja (68%) lebih dari kumpulan suri rumah (32%). Pihak PAPN perlu memikirkan bersama-sama dengan ibu bapa bagaimana kumpulan bekerja ini dapat bersama-sama terlibat di PAPN. Kemungkinan corak penglibatan ditentukan oleh penganjur oleh pendidik maka kecenderungan bagi ibu bapa untuk terlibat kurang. Juga perancangan mengenai aktiviti-aktiviti di PAPN telah dibuat awal agar ibu bapa yang bekerja dapat menyusun perancangan di pejabat dan cuti bersesuaian dengan aktiviti untuk ibu bapa.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa di rumah meliputi aspek literasi dan aktiviti adalah baik. Aspek aktiviti kanak-kanak merupakan aktiviti yang banyak dilakukan oleh ibu bapa berbanding aspek literasi. Ini jelas menunjukkan ibu bapa melakukan sesuatu yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak seperti bermain dan membantu anak-anak mengemas barang permainan. Penglibatan ibu bapa dalam aspek literasi juga patut dipuji di mana mengalakkan anak-anak menyanyi dan membeli bahan bacaan baru. Ini adalah usaha yang baik namun dalam aspek bahan bacaan dan membacanya masih rendah. Budaya membaca bagi kanak-kanak berumur 1 hingga 4 boleh dilakukan seperti membaca sebelum tidur. Masa membaca bersama kanak-kanak akan meningkatkan kebolehan kanak-kanak membaca awal dan cepat. Ibu bapa kurang menggalakkan anak-anak usia kecil membaca kemungkinan sesetengah ibu bapa tidak yakin tentang cara membaca atau bercerita yang betul dan boleh menarik perhatian kanak-kanak ini. Kemahiran membaca dan bercerita perlu di adakan oleh pihak PAPN. Malah pihak PAPN juga boleh mengadakan program *take-home book* iaitu memberi pinjaman buku-buku kepada ibu bapa untuk kegunaan di rumah bersama kanak-kanak. Malah *bonding* di antara ibu bapa dan anak dapat dipertingkatkan dan membuat mereka berasa lebih selamat.

Dalam aspek aktiviti bersama anak-anak, kajian ini mendapati ibu bapa banyak terlibat dalam aktiviti membantu anak-anak mengemas selepas bermain. Selain itu ibu bapa juga melakukan pelbagai aktiviti seperti permainan dalam rumah dan luar, bercerita, nasihat, melukis, mengemas dan menggalakan kreativiti dalam kalangan kanak-kanak. Ini menunjukkan ibu

bapa melayan kegemaran anak yang suka bermain. Namun ibu bapa agak berhati-hati menggalakkan anak-anak bermain di luar kawasan. Ini kemungkinan disebabkan oleh faktor keselamatan.

Penglibatan ibu bapa dalam komuniti menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai pandangan positif terhadap jaringan dengan ibu bapa lain di PAPN dan insititusi masyarakat. Kebanyakan ibu bapa berpandangan bahawa penglibatan mereka dalam aktiviti komuniti dapat meningkatkan pengetahuan dan tanggungjawab terhadap pembelajaran kanak-kanak. Begitu juga ibu bapa saling dapat bekerjasama dengan ibu bapa yang lain seperti dalam aktiviti gotong royong dan bersama dengan agensi masyarakat. Malah ibu bapa muda ini juga positif dengan penggunaan blog atau *facebook* PAPN. Ini adalah suatu yang petanda baik dari aspek hubungan, perkongsian, pembelajaran, pendidikan, sokongan dan jaringan dengan ahli komuniti.

## **IMPLIKASI**

Kajian ini dapat menilai peranan penglibatan ibu bapa di tiga seting bagi membantu perkembangan kanak-kanak iaitu di pusat kanak-kanak, di rumah dan dalam komuniti. Di stting pusat kanak-kanak menghasilkan hubungan ibu bapa dengan pendidik dalam pembelajaran dan perkembangan kepada kanak-kanak. Di seting rumah pula mengeratkan hubungan dengan anak-anak di samping meningkatkan potensi kognitif, emosi, rohani, sosial, jasmani dengan aktiviti membaca dan permainan. Di seting komuniti juga menghubungkan ibu bapa dengan rakan-rakan dalam pembelajaran dan pengalaman. Aspek ini memberi cadangan kepada pembuat dasar, pendidik, penyelidik untuk mempertingkatkan lagi amalan dalam penglibatan ibu bapa dan memperkasakan hubungan dengan program pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak, pusat anak PERMATA negara, organisasi di komuniti dan ibu bapa.

Pembuat dasar perlu melihat meningkatkan kolaborasi dengan pihak universiti bagi meningkatkan proses penglibatan ibu bapa. Menilai proses penglibatan ibu bapa perlu kepada memberi latihan dan perkembangan professional termasuk kolaborasi dengan pihak pengajian tinggi yang mendedahkan pelbagai cara penglibatan kepada pendidik. Sebagai contoh mewujudkan modul latihan kepada ibu bapa dan juga pendidik yang promosi hubungan keibu bapaan dan rumah dan pusat.

Menyokong program pendidikan awal kanak-kanak dalam komuniti. Penglibatan ibu bapa mempunyai kesan jangka panjang kepada perkembangan kanak-kanak di mana pembuat dasar dan penyumbang dana boleh menggalakkan penglibatan ibu bapa diperingkat komuniti. Sumber-sumber yang dalam komuniti boleh digunakan untuk meningkatkan peluang penglibatan ibu bapa. Contohnya ialah menggunakan perpustakaan yang ada dalam komuniti untuk program “Mari membaca untuk si kecil”. Para penyumbang dana juga boleh memberi geran kepada pihak universiti untuk menghasilkan buku-buku kecil dan dicetak dengan harga yang murah dan diberi untuk menjayakan projek pembacaan.

Meningkat mutu amalan terbaik bagi penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak. Program pendidikan awal kanak-kanak yang mempunyai amalan terbaik merupakan proses berterusan boleh mengujudkan transisi yang harmoni bagi keluarga dan kanak-kanak. Ibu bapa dan kanak-kanak mengalami satu transisi baru apabila berada di pusat yang baru. Begitu juga setelah tamat di PAPN dan akan ke prasekolah. Pembuat dasar perlu membangunkan sistem dan mekanisma yang akan memastikan amalan terbaik tersebut direalisasikan. Contoh ialah standard dalam kurikulum yang mempunyai penglibatan ibu bapa. Ibu bapa muda di beri masa fleksibel oleh majikan untuk melibatkan diri dalam program-program di PAPN.

Persidangan dan penyelidikan dalam penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak. Penilaian terhadap pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam penglibatan ibu bapa dan penyelidikan yang telah dilakukan perlu dibentangkan untuk menyatukan penyelidik, pembuat dasar dan pendidik untuk membincangkan penyelidikan yang mempunyai dapatan yang penting bagi menghadapi isu-isu yang timbul dan hasil penyelesaian tersebut di masukkan ke dalam kurikulum, panduan amalan dan alat-alat penilaian.

Mengadakan latihan kepada pendidik yang memberi pendekatan yang pelbagai dan kreatif dalam meningkatkan penglibatan ibu bapa. Kejayaan kanak-kanak bergantung kepada penglibatan ibu bapa. Pendidik memainkan peranan penting dalam hal ini. Mewujudkan pendekatan pelbagai dan kreatif untuk membangunkan penglibatan ibu bapa yang berterusan. Pendidik boleh memberi idea dan bahan kepada ibu bapa untuk digunakan bersama dengan anak-anak di rumah. Begitu juga dengan mencipta hubungan yang kreatif, mudah serta mesra bagi mendekatkan ibu bapa meneruskan penglibatan ini.

Penglibatan ibu bapa adalah aktiviti sepanjang hayat. Penglibatan ibu bapa adalah penglibatan dalam pendidikan kanak-kanak yang tanpa henti. Maka pendidik perlu “*reach out*” ibu bapa untuk berkongsi pengalaman

dalam keibubapaan, permasalahan yang di alami atau idea yang bernas agar penglibatan ibu bapa tersebut tidak terhenti dengan hanya hadir dalam aktiviti-aktiviti di PAPN. Idea-idea kecil yang mungkin bernas boleh dilaksanakan. Penghargaan ibu bapa akan meningkat di mana budaya menghormati pandangan orang lain di laksanakan. Alumni ibu bapa dan kanak-kanak perlu diwujudkan bagi mengeratkan hubungan di antara ibu bapa dan pihak PAPN.

Bagi aspek penyelidikan pula ialah mengadakan kajian longitudinal yang mengkaji kesan penglibatan ibu bapa perlu diadakan. Ibu bapa yang boleh memberi kesan yang baik dalam kehidupan kanak-kanak. Adalah penting bagi penyelidik untuk terus menjalankan penyelidikan untuk melihat hasil kepada kanak-kanak dan juga pendidik serta komuniti. Dengan ini kualiti program pendidikan awal kanak-kanak akan lebih berkualiti. Begitu juga, membangun *database* mengenai budaya dalam penglibatan ibu bapa. Kepelbagaian budaya di Malaysia adalah satu yang positif dan mencabar. Kemasukan pelbagai kaum yang mempunyai bahasa, budaya, agama, latarbelakang, pendidikan, pekerjaan, jantina dan lain-lain perlu difahami dan ditangani dengan baik. Penyelidikan boleh dibina dari kumpulan ini di mana beberapa aspek seperti bentuk penglibatan ibu bapa yang diterima baik, keadaan yang disenangi, cabaran yang dihadapi oleh kumpulan ini. Strategi yang dicadangkan sudah pasti mengikut kesesuaian kumpulan masing-masing. Model penglibatan ibu bapa mengikut gaya Malaysia boleh di hasilkan dan ini merupakan suatu inovasi.

## **KESIMPULAN**

Penglibatan ibu bapa dalam program pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak khususnya bagi kanak-kanak yang berumur 1-4 tahun di PAPN adalah satu tanggungjawab semua pihak. Pelbagai model penglibatan ibu bapa dihasilkan perlu di hayati bagi memberi kesan secara optimum kepada pendidikan awal kanak-kanak. Kajian ini telah memperlihatkan bahawa Kurikulum PERMATA Negara telah sedikit sebanyak mendapat persepsi positif daripada ibu bapa mengenai peranan PAPN khususnya pendidikannya seperti aspek komunikasi, penerimaan, *empowerment* dan mengujudkan persekitaran yang baik walaupun baru dilaksanakan. Usaha positif juga telah dilakukan oleh ibu bapa di rumah dengan pelbagai aktiviti yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak. Peranan ibu bapa dalam komuniti juga dipandang positif dan bermanfaat. Walaupun terdapat halangan untuk terlibat bagi ibu bapa yang bekerja, namun pendekatan baru yang menguntungkan



semua pihak iaitu ibu bapa, pendidik, komuniti dan kanak-kanak perlu sentiasa di fikirkan.

## **RUJUKAN**

- Asiah Abdul Rahim. (2001). *Design of building for early childhood education*. International Islamic University Malaysia Press. Kuala Lumpur.
- Azizah Lebai Nordin. (2002). *Pendidikan Awal Kanak-Kanak Teori Dan Amali*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Castro, Dina C.; Bryant, Donna M.; Peisner-Feinberg, Ellen S.; & Skinner, Martie L. (2004). Parent involvement in Head Start programs: The role of parent, teacher and classroom characteristics. *Early Childhood Research Quarterly*, 19(3), 413-430.
- Couchenour, D. & Chrisman, K. (2011). *Families, Schools and Communities: Together for Young Children*. (4<sup>th</sup> Ed), CA: Wadsworth.
- Epstein, J.L. (2001). *School, family, and community partnerships: preparing educators and improving schools*. New York: Westview Press.
- Fantuzzo, J., Tighe, E, & Childs, S. (2000). Family Involvement questionnaire; multivariate assessment of family participation in early childhood education. *Journal of Educational Psychology*, 92(2), 367-376.
- Fauziah Hanim Jalal, Nazariah Ab. Samad, Ibrahim Hashim, & Melati Sumari. (2011). *Pembangunan Modul Keibubapaan Berdasarkan Pendidikan Luqman: Kajian ke atas Keluarga Muslim*. Laporan Penyelidikan tidak diterbitkan. Tanjung Malim: Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fauziah Hanim Jalal, Zanariah Noor, & Wahibah Twahir @ H.Tahir. (2011). *Model Penghayatan Keibubapaan Islam*. Laporan Penyelidikan tidak diterbitkan. Tanjung Malim: Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Harvard Family Research Project. (2006). *Family Involvement in Early Childhood Education*. Spring Vol. Retrieved December, 15, 2010 from <http://www.hfrp.org/family-involvement>.

Kurikulum Permata. (2008). *Panduan Pendidikan Awal Kanak-kanak 0-4 Tahun*. Tanjung Malim: Pusat Perkembangan dan Penyelidikan Kanak-kanak Kebangsaan (NCDRC), Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Miedel, W.T., & Reynolds, A.J. (1999). Parent involvement in early intervention for disadvantaged children: does it matter. Chicago longitudinal study. *Journal of Psychology*, 37(4), 379-402.

Poston, W. K., Jr., Stone, M. P., & Muther, L. (1992). *Making schools work: Practical management of support operation*, vol.7. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.

Rohaty Mohd. Majzub. (2003). *Pendidikan Prasekolah: Cabaran kualiti. Syarahan perdana jawatan professor*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Sabitha, M. (2006). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Prentice Hall.

Swap, S. (1993). *Developing Home-School Partnerships: From Concepts to Practice*. Teachers College Press.